

Inisiatif Ikrar Integriti Korporat perangi rasuah

B/H 3/4/12 MS7

PELBAGAI langkah yang dilaksanakan kerajaan melalui NKRA memerangi rasuah menunjukkan peningkatan ketara khususnya kerjasama dengan pelbagai pihak dan agensi untuk sama-sama membanteras rasuah.

Antara yang sudah dilaksanakan adalah melalui inisiatif Ikrar Integriti Korporat (CIP) dalam usaha memastikan pembabitan secara langsung sektor korporat untuk sama-sama memerangi rasuah, iaitu yang pertama seumpamanya diwujudkan dalam negara.

Melalui CIP, sebanyak 64 syarikat korporat menandatangani perjanjian sepanjang 2011 dan ia jelas

menunjukkan kesedaran lebih tinggi di kalangan syarikat, sekali gus menggambarkan perubahan budaya besar di kalangan korporat tempatan ke arah memerangi rasuah.

Selain itu, sepanjang 2011, sebanyak 132,459 syarikat sudah menandatangani Kesepakatan Integriti (Integrity Pacts) dan Syarikat Prasarana Negara Bhd (Prasarana) menjadi syarikat pertama melaksanakannya untuk memastikan kelancaran projek My Rapid Transit (MRT).

Bagi memastikan usaha membanteras rasuah dilaksanakan secara berkesan dan tersusun, kerjasama membabitkan lima agensi penguatkuasaan, iaitu Jabatan Penganku-

tan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen, Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melancarkan maskot antirasuah iaitu seekor helang dinamakan Ejen Lang.

Penggubalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 yang diluluskan Parlimen tahun lalu turut berperanan menggalakkan pemberi maklumat tampil bagi mengemukakan laporan dengan memberikan perlindungan identiti mereka selain kekebalan daripada liabiliti jenayah atau sivil dan perlindungan terhadap sebarang tindakan memudaratkan terhadap mereka.

Melalui GTP memerangi rasuah juga, kerajaan memperkenalkan dan membangunkan Garis Panduan Penerimaan Pemberian Hadiah khusus untuk semua penjawat awam bagi membanteras gejala rasuah.

Sepanjang tahun lalu juga 424 kes rasuah berjaya diproses dan didaftarkan dalam tempoh setahun, manakala 249 kes rasuah berjaya diselesaikan oleh 14 mahkamah khas rasuah di seluruh negara.

Selain itu, kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap usaha kerajaan memerangi rasuah secara berkesan juga meningkat daripada hanya 48 peratus pada 2010 kepada 49 peratus pada 2011.